



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**MESYUARAT PASUKAN PETUGAS KHAS KAJIAN TERHADAP
SYOR-SYOR DAN LANGKAH PENCEGAHAN OLEH EAIC
TERHADAP KES KEMATIAN DALAM TAHANAN**

Putrajaya, 8 Oktober 2024 - Pasukan Petugas Khas (PPK) Kajian Terhadap Syor-Syor dan Langkah Pencegahan oleh EAIC telah bersidang buat pertama kalinya pada hari ini. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham, Timbalan Pengerusi EAIC.

PPK ini dianggotai oleh pegawai-pegawai EAIC, wakil-wakil daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham, terma rujukan yang dipersetujui bagi kajian tersebut adalah untuk meneliti secara mendalam mengenai semua aspek berkaitan syor-syor dan langkah pencegahan dalam Laporan Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Langkah Pencegahan. Laporan tersebut telah dibentangkan kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) pada 7 Mei 2024 yang memutuskan untuk penubuhan Pasukan Petugas Khas tersebut.

Selain mengkaji dan menilai syor-syor serta langkah pencegahan yang dicadangkan oleh EAIC berhubung kes kematian dalam tahanan, PPK ini akan mengesyorkan cadangan penambahbaikan tatakelola lokap, depot dan pusat tahanan kepada Kerajaan dan entiti kawal selia yang berkaitan.

Pelaksanaan PPK ini telah ditetapkan secara berperingkat selama enam (6) bulan sehingga selesai yang melibatkan empat (4) fasa tindakan iaitu tindakan lawatan ke lokap, depot dan pusat tahanan terpilih, pengemukaan maklum balas terperinci termasuk justifikasi terhadap pelaksanaan syor, penyediaan laporan dan pembentangan laporan kepada Kerajaan.

Laporan PPK ini diharap akan meningkatkan tatakelola lokap dan pusat tahanan dengan mengenal pasti kelemahan dalam sistem yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan dan membantu Kerajaan merumuskan polisi yang lebih baik, memastikan tanggungjawab pihak terlibat, serta meningkatkan kesedaran awam dan kerjasama antara agensi dalam menjaga hak asasi manusia.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)